

**SOALAN NO: 70**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Khoo Soo Seng [Tebrau]**

**TARIKH : 3 Ogos 2017**

**SOALAN : Tuan Khoo Soo Seng minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan: -**

apakah usaha Kerajaan menggalakkan ternakan ikan demi menstabilkan bekalan dan harga ikan sebagai sumber makanan yang sihat.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Di bawah Dasar Agromakanan Negara 2011-2020, industri akuakultur (ternakan ikan) merupakan penyumbang kedua kepada pengeluaran ikan makan selepas perikanan tangkapan dan dikategorikan sebagai Industri Bernilai Tinggi.

Menjelang tahun 2020, perikanan akuakultur diunjurkan menyumbang sebanyak 1.443 juta tan metrik ikan makan; iaitu bersamaan 48% daripada pengeluaran ikan negara. Berdasarkan perangkaan tahun 2016, sejumlah 7,339.46 hektar kawasan telah diusahakan untuk aktiviti akuakultur melibatkan seramai 20,528 orang penternak. Jumlah pengeluaran akuakultur bagi tahun 2016 adalah sebanyak 407,387 tan metrik bernilai RM2.78 billion.

Dalam usaha bagi menggalakkan ternakan ikan demi menstabilkan bekalan dan harga ikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (1) Peningkatan produktiviti pengeluaran akuakultur sedia ada melalui perkhidmatan pengembangan dan khidmat

nasihat teknikal, latihan, bantuan, input berkualiti serta pemindahan teknologi yang cekap;

- (2) Menggalakkan pelaburan swasta melalui geran infrastruktur di bawah Projek NKEA Akuakultur yang meliputi 3 Program Titik Permulaan (Entry Point Project-EPP);
- (3) Program Ladang Sinergi yang melibatkan pemindahan teknologi, latihan teknikal dan jaminan pasaran melalui belian balik daripada peserta; dan
- (4) Program Kluster SME yang mengklusterkan penternak-penternak kecil bagi memudahkan sistem penyampaian khidmat teknikal Jabatan dan sistem pengurusan ladang yang lebih cekap.